



UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA

APEX™



## PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

### HGM238 - EKONOMI DAN RUANG

SEMESTER 2

SIDANG AKADEMIK 2018/2019

#### TAJUK :

DENGAN MERUJUK KEPADA PULAU PINANG, BINCANGKAN  
TRANSFORMASI EKONOMI DAN RUANG YANG BERLAKU DI NEGERI  
TERSEBUT DENGAN MENGEMUKAKAN BUKTI DAN CONTOH YANG  
SESUAI

#### NAMA AHLI :

IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI	136361
NURUL ZUHEINNA BINTI TAN TECK FUI	136485
RABIATUL ADAWIYAH BINTI ZAINAL	136488

#### NAMA PENSYARAH :

DR NOORIAH BINTI YUSOF

## **1.0 PENGENALAN**

Pulau Pinang merupakan salah satu negeri di dalam Malaysia yang mempunyai sejarah yang unik dan tersendiri. Pulau Pinang pada awalnya dikenali sebagai Pulau Ka Satu. Seorang pelayar yang bernama Ragam menamakan sedemikian kerana inilah satu-satunya pulau besar yang terasing ditemui beliau sewaktu berulang alik berdagang dari Lingga ke Kedah. Nama Pulau Ka Satu terus digunakan sehingga kedatangan British pada tahun 1786. Nama Pulau Ka Satu bertukar kepada Pulau Pinang apabila pokok pinang mula ditanam di pulau ini selepas kedatangan pihak British (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 2019). Pulau Pinang sebelum kedatangan Inggeris merupakan sebahagian daripada jajahan Kesultanan Kedah. Negeri ini memiliki keluasan 1031 km persegi yang terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian pulau dengan keluasan 293 persegi dan Seberang Perai di Tanah Besar Semenanjung Malaysia berkeluasan 738 km persegi (Nooriah Yusof, 2012).

Pulau Pinang merupakan negeri Melayu yang pertama diambil alih oleh pihak Inggeris. Penaklukan ini seterusnya telah membuka peluang kepada perkembangan imperialism Inggeris di negeri-negeri Melayu sehingga Inggeris menakluki secara rasmi Tanah Melayu pada tahun 1874 menerusi Perjanjian Pangkor. Penaklukan pihak Inggeris ke atas negeri Pulau Pinang ini telah membawa kepada perubahan bukan sahaja dalam aspek sosioekonomi dan politik malah juga aspek pensejarahan (Noriah Mohamed et al. 2006). Selepas kemasukan kuasa imperialism Inggeris, Inggeris telah membawa banyak perubahan melalui pembangunan kawasan dari segi petemoatan, pusat pentadbiran Negeri-Negeri Selat dan juga penubuhan pejabat tanah pada tahun 1867. Selepas sahaja Malaysia menerima kemerdekaan, pola pembangunan di negeri ini telah berubah daripada sektor pertanian kepada sektor perindustrian. Perubahan ini

didorong oleh aspek seperti pembinaan estet-estet dan zon perindustrian bebas sebagai satu medium yang penting dalam menarik pelabur asing untuk melabur di negeri ini. Setelah lebih daripada 30 tahun pembangunan industri, Pulau Pinang telah mencipta kelebihan tersendiri sebagai lokasi pelaburan bagi industri barang elektrik dan elektronik di Malaysia. Pelabur asing yang berperanan dalam proses industrialisasi di negeri ini sememangnya tidak dapat dinafikan sehingga negeri ini telah diintegri dengan rangkaian pengeluaran global dan ditempatkan dalam peta aktiviti pembuatan dunia. Ruang dalam konteks negeri Pulau Pinang telah mengalami perubahan yang hebat akibat perubahan ekonomi yang berlaku (Nooriah Yusof, 2012).

## **2.0 TRANSFORMASI RUANG DAN EKONOMI DI PULAU PINANG**

Pulau Pinang merupakan salah satu negeri yang menerima perubahan dari segi ruang dan ekonomi sejajar dengan beberapa faktor yang menjadi titik tolak kepada perubahan ini. Penjajahan yang telah dilakukan oleh pihak Inggeris pada suatu ketika dahulu merupakan salah satu faktor yang telah membawa kepada sebuah perubahan yang drastik di negeri Pulau Pinang. Setelah Malaysia menerima kemerdekaan, perubahan dan kemajuan yang dibawa oleh pihak Inggeris ini diterajui dan diteruskan malah terdapat penambahbaikan yang telah dilakukan sehingga pada hari ini. Terdapat beberapa faktor dalaman dan faktor luaran yang akan disenaraikan dalam menunjukkan perubahan ruangan dan ekonomi di negeri Pulau Pinang.

### **2.1 SEJARAH AWAL DAN KEMUNCULAN PULAU PINANG SEBAGAI EKONOMI ENTREPORT**

Sejarah awal Pulau Pinang merupakan salah satu titik tolak kepada transformasi ruang dan ekonomi. Sejarah pembukaan Pulau Pinang bermula apabila berlaku pengambilalihan sebuah pulau milik Kesultanan Kedah. Pulau Pinang pada asalnya milik Kesultanan Kedah telah diberikan kepada pihak Inggeris hasil daripada pertemuan Francis Light dengan Sultan Abdullah di Kedah. Sultan Abdullah dan Datuk Seri Jamal bersetuju dengan permintaan yang dibawa oleh Francis Light dan mengenakan syarat yang perlu dipatuhi oleh kompeni Inggeris jika mahu menduduki Pulau Pinang (Buyong Adil, 1980). Francis Light mula melakarkan sejarah di Pulau Pinang pada tahun 1876 dengan memperolehi pulau tersebut bagi pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris dan syarikat berjanji untuk memberi perlindungan keselamatan kepada Kedah

daripada ancaman jiran-jirannya yang kuat (Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan, 2019).

Pulau Pinang bergantung kepada barang yang dibawa oleh Kedah seperti lembu, beras dan keperluan lain selain aktiviti pertanian seperti penanaman padi di Sungai Kluang, Sungai Pinang, tebing barat Sungai Pinang dan Tanjung Tokong. Pada 1792, penanaman padi semakin giat diusahakan oleh kerajaan. Usaha giat oleh kerajaan ini telah menyebabkan kawasan hutan terus ditebang dan buktinya 1,000 ekar tanah dibuka oleh orang Melayu di Teluk Jelutong manakala di Batu Uban, tanah yang diterokai oleh orang Melayu diusahakan untuk penanaman kelapa, tebu, padi dan buah-buahan (Basariah Othman, 1973). Sejarah perkembangan Pulau Pinang bermula apabila Francis Light mendapat hak pemajakan Pulau Pinang daripada Sultan Kedah pada Ogos 1786 dan beliau menamakan pulau ini sebagai Prince of Wales. Francis Light yang menduduki Pulau Pinang pada Julai 1786 telah membersihkan hutan di Penaga Point dan kemudiannya membangunkan kawasan di Light Street, Beach Street, Chulia Street dan Pitt Street. Di Pulau Pinang sebuah pelabuhan telah dibuka dan menjadi pusat perdagangan melalui pelaksanaan dasar-dasar ekonomi bebas. Batu Uban merupakan sebuah pelabuhan awal yang dibuka di Pulau Pinang dan lebih maju berbanding kawasan lain pada abad ke-18 sehingga pelabuhan baru dibuka oleh Francis Light (Nooriah Yusof, 2012). Pulau Pinang merupakan sebuah pelabuhan dan pusat perdagangan yang strategik kepada ramai pedagang asing termasuk Portugis, Belanda dan Inggeris di rantau Asia Tenggara (Zulkifli Hanafi, 2000). Kawasan ini telah menjadi persinggahan kapal-kapal kecil dari Sumatera dan kapal pedagang Inggeris yang melalui ekspedisi perdagangan di Asia

Tenggara. Pembukaan pelabuhan di Pulau Pinang dilihat mempunyai potensi yang baik dari segi kedudukan yang lebih baik dari Melaka selain memiliki kelebihan tapak semula jadi sebagai pelabuhan. Kedudukan Pulau Pinang sebagai titik awal (*first part of call*) untuk kapal-kapal dari Eropah dan Indah dan menjadi titik akhir (*last part of call*) kepada kapal-kapal ke haluan yang bertentangan yang telah membantu perkembangan pelabuhan dan perdagangan di pulau ini (West & Rose, 1961).

Selepas enam tahun Syarikat Hinda Timur Inggeris bertapak di Pulau Pinang, didapati bilangan kapal perdagangan yang melewati Selat Melaka dan singgah di Pulau Pinang telah meningkat. Menurut Laporan Leith, kehadiran pedagang semakin bertambah antara 1,799 hingga 1,802 dari bilangan 1,836 kepada 3,328 buah perahu. Peningkatan dalam perdagangan ini juga terdorong oleh beberapa faktor tertentu antaranya ialah pedagang mengambil peluang untuk menerima tawaran dari pihak berkuasa memberi hak milik tanah secara percuma untuk menetap dan perlindungan awam dengan menubuhkan pasukan polis untuk menjaga keamanan di Pulau Pinang (The City Council of George Town, Penang, 1966). Pelabuhan Pulau Pinang telah diisyiharkan sebagai pelabuhan bebas (entreport) secara tidak langsung telah membawa kepada perdagangan yang lumayan dengan negara sekitarnya seperti Indonesia, Thailand, Burma dan Indochina. Keadaan ini berterusan sehingga pada 1790, Perang Napoleon di Eropah yang menyebabkan berlakunya kejatuhan dalam perdagangan dan jumlah kapal yang singgah di Pulau Pinang (Nooriah Yusof, 2012).

Pada lapan Disember 1941, Jepun telah menduduki Pulau Pinang dan menyebabkan kegiatan ekonomi di Pulau Pinang telah terjejas. Kebanyakan pelabuhan mengalami kerosakan yang teruk selepas pengunduran British daripada Malaya. Namun demikian kerosakan yang dialami ini telah diperbaiki oleh Jepun dan kemudiannya sebahagian besar fungsi pelabuhan lebih kepada pangkalan tentera. Selepas Jepun menyerah kalah dengan British pada tahun 1945, pentadbiran British mula membangunkan semula pelabuhan dan kemudahan infrastruktur yang menjadikan Pulau Pinang kembali semula sebagai perdagangan entreport sehingga awal 1960-an.

## **2.2 LATAR BELAKANG FIZIKAL, SOSIAL DAN EKONOMI PULAU PINANG**

Pulau Pinang mempunyai keluasan sebanyak 1031 km persegi. Pulau Pinang terdiri daripada bahagian pulau yang mempunyai keluasan 293 km persegi. Terapat juga di Seberang Perai yang terletak di tanah Besar Semenanjung Malaysia yang berkeluasan 738km persegi. Suhu sekitar Pulau Pinang adalah sekitar 30 darjah celcius. Terdapat lima daerah di Pulau Pinang iaitu daerah Timur Laut dan barat Daya di bahagian pulau, Seberang Perai Utara, tengah, dan Selatan di bahagian tanah besar. (Nooriah, Yusof, 2012). Ibu negeri Pulau Pinang ialah Georgetown. Kawasan Georgetown merupakan kawasan yang terpenting kerana memusatkan pelbagai aktiviti ekonomi dan perkhidmatan . Antaranya, pusat perniagaan, perbankan pusat pentadbiran , pusat perkhidmatan dan sebagainya. Terdapat daerah seperti Bayan Lepas yang menjadi tumpuan kawasan perniagaan sehingga menjadi perhatian pelabur asing. Bayan Lepas terlibat dalam industri barang dan elektronik (BEE).

Dari segi sosial, bilangan populasi di Pulau Pinang pada tahun 2000 ialah sebanyak 1,313,449 orang. Peningkatan ini adalah sebanyak 23.4 peratus sejak 1991. pada tahun 2004, anggaran penduduk di Pulau Pinang adalah sebanyak 1.4 juta pada tahun 2004 Jumlah penduduk pada tahun 2009 terdapat sebanyak 1554.3 penduduk dan meningkat kepada 1647.7 penduduk pada tahun 2013. . Pada tahun 2018 penduduk sebanyak 1.767 million penduduk. (Maklumat Asas Negeri Pulau Pinang, 2013). Dari segi pembahagian etnik, bagi etnik cina pada tahun 2009 jumlah penduduknya ialah sebanyak 665.3 meningkat kepada 683.4 penduduk pada tahun 2013. Bagi etnik India terdapat sebanyak 155.2 penduduk pada tahun 2009 dan mencatat peningkatan kepada 163.1 penduduk pada tahun 2013. Bagi kaum melayu, pada tahun 2009 mencatat sebanyak 625.8 orang meningkat kepada 674.4 orang pada tahun 2013. (Maklumat Asas Negeri Pulau Pinang, 2013). Hal ini menunjukkan etnik cina telah mendominasi negeri Pulau Pinang. Statistik pada tahun 2000 menunjukkan bilangan wanita lebih ramai daripada lelaki iaitu sebanyak 659,400 wanita berbanding 654,100 lelaki. Hal ini demikian kerana migrasi wanita lebih ramai masuk ke Pulau Pinang. Dalam sektor perindustrian, bilangan wanita juga adalah ramai berbanding lelaki kerana pemilihan lebih diberi penekanan terhadap golongan wanita kerana golongan wanita lebih teliti terutama dalam BEE.

Pulau Pinang merupakan antara negeri yang mempunyai kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat di Malaysia. Hal ini ditunjukkan dengan kadar KDNK Pulau Pinang meningkat kepada 10.5 peratus hanya dalam tempoh enam tahun iaitu pada tahun 1990 sehingga 1996. Pada tahun 1980-1989 hanya 7.8 peratus pertumbuhan kadar KDNK Pulau Pinang (Penang network services, 2000).

Aktiviti perdagangan merupakan aktiviti ekonomi yang terpenting pada tahun tersebut namun berlaku perubahan yang mana ekonomi pembuatan menunjukkan kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat di Pulau Pinang. Pada tahun 1977, sektor pembuatan menyumbang sebanyak 52.0 peratus daripada jumlah KDNK berbanding pada tahun 1970 yang hanya 13.0 peratus. (Penang Network Services, 2000). Dari segi nilai telah memperlihatkan sebanyak 36 kali ganda peningkatan berdasarkan nilai pada tahun 1970 hanya RM172 juta meningkat kepada RM6.25 billion pada tahun 1998.

Jumlah nilai pelaburan meningkat secara mendadak iaitu RM1.2 juta pada tahun 1990 menjadi RM 5.2 billion pada tahun 1995. Hal ini sekaligus menunjukkan Pulau Pinang antara negeri yang mempunyai purata pendapatan perkapita yang tertinggi di Malaysia dalam tempoh 1990 sehingga 1994 lebih kurang 76000 pekerjaan baharu berjaya dihasilkan dari kawasan estet yang dibangunkan dari Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang,. Hal ini tidak termasuk jumlah pekerjaan lain yang dibuka melalui sektor perkilangan dan sektor lain di kawasan estet perindustrian. Pulau Pinang merupakan negeri yang paling pesat membangunkan proses pembandaran iaitu lebih 86 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk yang tinggal di bandar. Lapangan kapal terbang Antarabangsa Pulau Pinang merupakan lapangan terbang terbaik dan kedua terbesar di negeri ini iaitu dari jumlah ketibaan, berlepas dan kemudahan-kemudahan yang disediakan. Pulau Pinang juga mempunyai sistem jaringan pengangkutan yang baik iaitu dengan adanya Lebuh Raya Utara-Selatan yang menghubungkan negeri ini hingga ke Bukit Kayu Hitam di utara dan selatan negeri Johor telah membuka banyak peluang pekerjaan. Pulau Pinang juga

merupakan pelabuhan tersibuk di Malaysia yang mengendalikan pengangkutan kargo, bahan mentah dan barang separuh siap dan siap keluar masuk negara. Hal ini jelas menunjukkan bahawa negeri Pulau Pinang merupakan negeri terpantas dalam mencapai wawasan 2020. Bukan itu sahaja, negeri ini juga berjaya menempatkan kedudukannya sebagai pusat strategi utama dalam Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia - Malaysia- Thailand (PSIMT). Pada Disember 1994, Pulau Pinang pernah diberi kepercayaan menjadi tuan rumah dalam sebuah mesyuarat PSIMT yang membawa kepada persetujuan persefahaman (MoU) antara tiga negara yang melibatkan jumlah pelaburan iaitu sebanyak RM8.6 billion (Mohd Asri Abdullah, 1997). Kerjasama pelaburan ini secara tidak langsung menerbitkan pelbagai sektor seperti perkilangan, pelancongan dan rekreasi, perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, telekomunikasi, perkhidmatan perniagaan dan profesional.

Sektor perkilangan merupakan sektor utama penggerak kepada pembangunan perindustrian dan transformasi ekonomi Pulau Pinang. Sektor ini telah menyumbang sebanyak 55 peratus daripada jumlah nilai KDNK dan lebih 40 peratus jumlah keseluruhan tenaga kerja yang terlibat dalam sektor perkilangan. Sehingga ke hari ini, negeri Pulau Pinang bukan sahaja merupakan kawasan industri yang semikonduktor tetapi berjaya menembusi bidang-bidang baharu seperti disk driver, water fabrication dan pengguna yang berteknologi tinggi. Perkembangan Pulau Pinang dalam sektor perkilangan banyak dibantu oleh Pembangunan Pulau Pinang ( PDC). Usaha yang telah dilakukan oleh PDC dengan menjalankan kerjasama erat dengan pihak swasta menjadikan Pulau

Pinang negeri utama yang merintis konsep penubuhan pusat Perkilangan Bersepadu (Mohd Asri Abdullah, 1997).

### **2.3 ZON PERINDUSTRIAN BEBAS DALAM PEMBANGUNAN DI PULAU PINANG**

Selepas Malaysia menerima kemerdekaan, perkembangan pesat sektor perdagangan telah meletakkan negeri Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan dan pelabuhan bebas yang utama di Asia. Pulau Pinang merupakan satu negeri yang amat terkenal dengan ekonomi pelabuhan. Pada awal industrialisasi, ekonomi Pulau Pinang bergantung kepada pelabuhan bebas dan ekonomi pertanian. Pelabuhan Pulau Pinang berperanan dalam mengendalikan barang kargo yang diimport dari luar negeri mahupun barang-barang keluaran utama yang dieksport ke luar negeri. Perkembangan pelabuhan di Pulau Pinang berlaku dengan pesat pada awal tahun 1990an. Namun begitu, berlaku kemelesetan ekonomi yang disebabkan hilangnya taraf pelabuhan bebas di Pulau Pinang iaitu pada akhir 1960-an. Kehilangan status pelabuhan bebas ini adalah disebabkan dasar kerajaan iaitu dengan menukar ibu pejabat Negeri-Negeri Selat daripada Pulau Pinang ke Singapura. Hal ini telah menjadikan Singapura sebagai sebuah pelabuhan bebas yang utama dan menjadi tumpuan di Asia Tenggara pada ketika itu. Kehilangan status pelabuhan bebas di Pulau Pinang menjadikan kepentingan negeri itu berkurang. Kejatuhan ekonomi Pulau Pinang semakin teruk dengan konfrontrasi Malaysia dengan Pulau Pinang yang berlaku pada bulan januari 1963. Polisi konfrontrasi tersebut bertujuan untuk melemahkan Malaysia. Pulau Pinang yang bergantung terhadap ekonomi pelabuhan ketika itu menyebabkan peluang pekerjaan agak terhad. Hal ini menyebabkan kadar pengangguran meningkat

sehingga mencapai 16 peratus iaitu dua kali ganda kadar purata negara. Bukan itu sahaja, kadar migrasi keluar dari Malaysia turut meningkat. Kemajuan aktif di Pelabuhan Klang berdekatan ibu negara iaitu di Kuala Lumpur turut menyebabkan ekonomi Pulau Pinang bertambah merosot. (Nooriah Yusof, 2012). Sepanjang tempoh ini, telah berlaku kemerosotan terutama sekali dalam sektor perdagangan dan keadaan ini telah menyebabkan berlakunya masalah pengangguran sebanyak 9 peratus dan lebih tinggi berbanding peringkat negara iaitu 7.3 peratus (Mat Hashim, 2001). Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan negeri melalui Kajian Pelan Induk yang pertama telah mengenalpasti sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan awam khususnya pelancongan sebagai dua sektor yang berpotensi dalam membantu pertumbuhan ekonomi di Pulau Pinang. Pelbagai pendekatan dalam pembangunan sektor pembuatan dipelajari dari pelbagai negara luar sebagai contoh Zon Perdagangan Bebas di Shannon dan telah diaplikasikan di Pulau Pinang bagi menarik pelaburan luar negara ke negeri ini. Pada tahun 1971, Perdana Menteri Malaysia Tun Abdul Razak telah merasmikan kawasan perdagangan bebas yang pertama di Bayan Lepas Pulau, Pinang. Kawasan perdagangan bebas ini terletak di kawasan seluas 90.9 hektar. Terdapat pelbagai kemudahan yang telah disediakan seperti kemudahan pengangkutan, kemudahan utiliti, jalan raya serta kilang-kilang untuk menjalankan perusahaan.

Kerajaan negeri turut merangka pelbagai perancangan dan dasar untuk mempromosi aktiviti perindustrian sebagai sokongan dengan membangunkan zon perindustrian yang lengkap dengan pelbagai kemudahan infrastruktur serta di lokasi yang strategik berhampiran dengan stesen kereta api, pelabuhan, lapangan

terbang dan dihubungkan dengan sistem pengangkutan yang berkesan. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (Penang Development Corporation) yang ditubuhkan pada tahun 1969 adalah agensi utama yang bertanggungjawab kepada pembangunan Pulau Pinang (Mat Hashim, 2001). Pertubuhan PDC ini adalah perintis kepada konsep Zon Perdagangan Bebas (Free Trade Zone) untuk menggalakkan lebih banyak pelabur luar di dalam kegiatan berorientasikan eksport. Pada tahun 1972, Zon Perdagangan Bebas pertama telah ditubuhkan di Bayan Lepas dan selepas dua dekad, Pulau Pinang kini mempunyai dua zon dan lain-lain kawasan perindustrian yang meliputi kawasan seluas 1,850 hektar di kawasan pulau dan seberang.

Selepas perkembangan sektor perindustrian selama dua dekad, Pulau Pinang merupakan tuan rumah bagi dua Zon Perdagangan Bebas dan 5 kawasan perindustrian yang lain yang merangkumi Kawasan Perusahaan Perai, Kawasan Perusahaan Bukit Tengah, Kawasan Perusahaan Bukit Minyak, Kawasan Perusahaan Bayan Lepas, Kawasan Perusahaan Seberang Jaya dan Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas (Mat Hashim, 2001). Kedudukan lokasi yang strategik berserta dengan kestabilan politik dan kemudahan infrastruktur yang baik telah menjadikan Pulau Pinang sebagai tumpuan pelabur dan syarikat-syarikat luar mahupun tempatan untuk membangunkan projek mereka di Pulau Pinang. Hal ini dapat dibuktikan menjelang Jun 1999, terdapat sejumlah 667 buah kilang dengan bilangan guna tenaga seramai 188,796 hasil daripada pembangunan kilang-kilang oleh pelabur-pelabur tempatan dan luar. Kerajaan negeri juga telah menggariskan beberapa aspek utama bagi meneruskan usaha mempromosi pembangunan sektor perindustrian di samping meletakkan Pulau

Pinang sebagai pusat pelaburan yang strategik bagi memenuhi keperluan MNC. Peningkatan di dalam bilangan projek pembuatan yang diluluskan bukan sahaja meningkatkan bilangan industri yang sedia ada, malah berupaya menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk khususnya di Pulau Pinang. Sehingga 1996, terdapat sebanyak 1,612 buah industri di Pulau Pinang berbanding hanya 714 buah industri pada tahun 1995. Tenaga kerja pada masa itu meningkat daripada 214,855 orang pada tahun 1995 kepada 228,745 orang pada tahun 1996 (Mat Hashim, 2001).

Kemunculan seorang perancang ekonomi yang bijak dan berpandangan jauh Tun Dr. Lim Chong Eu sebagai Ketua Menteri pada Mei 1969 telah membawa banyak perkembangan dalam sektor perindustrian. Sebagai ketua menteri, terdapat banyak perkara yang telah dilakukan oleh beliau. Antaranya, Tun Dr. Lim Chong Eu telah membawa suatu suasana pelaburan yang sangat baik iaitu dengan penubuhan Zon Perdagangan Bebas agar ramai pelabur asing yang tertarik untuk datang dan berhasrat untuk memulakan operasi mereka di Pulau Pinang. Zon perdagangan bebas yang pertama dibuka di Malaysia adalah di Bayan lepas (Basariah Othman, 1973). Beliau juga menggalakkan perkembangan sektor perkilangan agar dapat membuka banyak peluang pekerjaan untuk penduduk di Pulau Pinang. Hal ini sekali gus dapat mengurangkan masalah pengangguran yang berlaku di negeri itu pada ketika itu. Pembangunan dalam sektor perindustrian dapat menyediakan peluang pekerjaan yang banyak dan boleh menarik pembangunan lain seperti kemudahan awam, perniagaan dan perumahan ke kawasan sekitarnya (Choguill, 1994). Tun Dr Lim Chong Eu telah menjalankan beberapa usaha untuk memajukan kembali ekonomi Pulau Pinang.

Menurut beliau, masalah pengangguran yang berlaku disebabkan kedudukan Pulau Pinang yang kecil tapi mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Selain itu, Pulau Pinang pada ketika itu juga tidak mempunyai sumber hasil bumi yang banyak seperti bijih timah dan hasil perhutanan. Dengan adanya zon perdagangan bebas, terdapat banyak kilang-kilang yang didirikan yang membuka kepada banyak peluang pekerjaan bagi mengatasi masalah pengangguran yang berlaku. Pelabur-pelabur asing juga ramai yang tertarik untuk melabur di Pulau Pinang. Antaranya termasuklah Clarion (M) Sdn Bhd, National Semiconductor And Bhd dan banyak lagi. Kilang-kilang tersebut berorientasikan keluaran barang yang dieksport ke luar negara seperti Printed Circuit Board iaitu keluaran kilang Intron Industry (M) Sdn Bhd yang dieksport ke Singapura, Hong Kong, dan Canada. Justeru itu, terdapat banyak tanah yang dimajukan untuk menampung penggunaan guna tanah terutama untuk pembinaan kilang-kilang. (Narimah Samat,2000). Berdasarkan Laporan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, 1972 dan 1974 menunjukkan bahawa tanah perusahaan seluas 298 ekar dimajukan untuk menubuhkan kilang-kilang pada tahun 1972 dan sebanyak 383 ekar tanah yang dimajukan dalam semua kawasan perusahaan. (PDC 1972, 1974). Usaha-usaha ini memperlihatkan transformasi yang berlaku dalam ekonomi Pulau Pinang pada tahun tersebut iaitu keadaan ekonomi Pulau Pinang yang semakin maju dan berlaku juga perubahan ruang yang mana pada asalnya landskap di Pulau Pinang berasaskan ekonomi pertanian kemudian berubah menjadi landskap ekonomi perindustrian iaitu “expert-oriented” dan pembangunan. Hal ini jelas menunjukkan pembukaan Zon Perdagangan Bebas banyak mempengaruhi transformasi ekonomi dan perubahan ruang di Pulau Pinang.

Laporan Nathan merupakan laporan yang merumuskan pelan pembangunan ekonomi baharu bagi negeri pulau Pinang. Pelan ini menekankan mengenai sektor perindustrian pembuatan yang mempunyai potensi yang sangat besar dalam memajukan ekonomi Pulau Pinang. (Nooriah Yusof, 2012). Berdasarkan pelan tersebut, cadangan agar penekanan terhadap industri eksport dan pengezonan semula industri dilaksanakan. (Nooriah, Yusof 2012). Hal ini adalah dengan menjadikan kawasan Seberang Perai sebagai penempatan untuk industri berat manakala bagi industri ringan pula ditempatkan di Pulau Pinang. Sektor pembuatan menjadi pilihan utama disebabkan kawasan Pulau Pinang yang mempunyai tanah yang terhad untuk menjalankan ekonomi pertanian serta kekurangan sumber asli. Oleh itu, aktiviti ekonomi yang paling sesuai untuk memajukan Pulau Pinang adalah dengan memajukan industri pembuatan. Tambahan pula, melalui pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 turut menekankan pemilihan sektor perindustrian pembuatan dalam pertumbuhan ekonomi. Hal ini berlaku apabila timbulnya keperluan untuk menyelerakkan industri yang berpusat di sekitar Wilayah persekutuan Kuala Lumpur. Dalam membangunkan industri berorientasikan eksport, pelaksanaan sistem pengurusan estet perindustrian yang baru dan kewujudan Zon Perindustrian Bebas (FTZ) dipersetujui oleh kerajaan Persekutuan. Usaha Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dengan mempromosi dan menarik industri berasaskan ekport buruh di FTZ telah berjaya mengurangkan masalah pengangguran yang berlaku. Hal ini demikian kerana, banyak peluang pekerjaan yang dibuka setelah pelabur-pelabur asing membuka tertarik untuk melabur di Pulau Pinang. Laporan Nathan pernah digunakan oleh Pembangunan Pulau Pinang (PDC) tahun 1971 dalam merangka strategi perindustrian di Pulau Pinang.

(Nooriah Yusof, 2012). PDC menggunakan pendekatan dengan membuat promosi untuk menarik pelabur-pelabur asing ke Pulau Pinang. Malaysia menjadi pilihan bagi syarikat-syarikat multinasional apabila berlakunya proses penstrukturran semula industri dalam kalangan negara-negara maju. Oleh itu, Pulau Pinang dapat bersaing ke dalam ekonomi global kerana adanya pembinaan estet-estet perindustrian. Hal ini bermakna, ekonomi Malaysia khususnya Pulau Pinang telah mencapai pergerakan modal pada peringkat global. Pulau Pinang menjadi tumpuan buruh asing disebabkan pelbagai faktor iaitu upah buruh yang rendah, pembukaan lapangan terbang yang memudahkan pergerakan, infrastruktur yang lengkap serta galakan kemasukan pelaburan asing daripada kerajaan. Hal ini jelas menunjukkan berlaku transformasi ekonomi dan ruang di Pulau Pinang.

Pada tahun 1988, Pulau Pinang telah berjaya mendapatkan lapan estet perindustrian. Kawasan Bayan Lepas antara kawasan yang menjadi tumpuan pelabur asing. Bayan Lepas yang merupakan kawasan Zon Perindustrian telah mendapatkan empat FTZ dan satu Technoplex (Nooriah, 2012). PDC juga telah membina estet perindustrian yang terletak di bayan Lepas dan Seberang Perai. Bayan Lepas FTZ menjadi pilihan utama pelabur asing disebabkan kedudukannya yang hampir dengan kawasan Lapangan Kapal Terbang Antarabangsa Bayan Lepas. Pada awal penubuhan FTZ di Pulau Pinang, terdapat hanya empat jenis industri yang beroperasi di Bayan Lepas FTZ fasa 1 iaitu, barang elektronik, barang telekomunikasi, rambut palsu dan juga tekstil. Sementara itu, industri peralatan dan perkakasan jitu, barang mainan, barang plastik, barang kimia, kraf tangan, terdapat di FTZ Bayan Lepas II. Pada tahun 1979, sebanyak 130

kiland beroperasi di lapan kawasan perindustrian di Pulau Pinang dengan mewujudkan jumlah 47,793 peluang pekerjaan.

Perkembangan perindustrian semakin berkembang di Pulau Pinang. Pelaburan asing oleh syarikat multinasional dan langkah proaktif yang diambil oleh kerajaan negeri telah menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri perindustrian yang termaju di Malaysia. (Kerajaan Pulau Pinang, 2002). Perkembangan sektor perindustrian di Pulau Pinang telah menyebabkan berlakunya perkembangan ekonomi terhadap aktiviti lain seperti ekonomi pengangkutan, logistik, insurans dan perkhidmatan lain yang berkaitan industri berasaskan eksport . Menurut Datuk Oii Eng Hock, pengurus Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) Negeri Pulau Pinang, syarikat yang datang melabur di Pulau Pinang bukan semua mereka hasilkan. Hal ini demikian akan ada komponen tertentu disediakan oleh kilang -kilang sedia ada serta memerlukan perkhidmatan utiliti dan sebagainya daripada industri sokongan yang ada di Pulau Pinang (Buletin Mutiara, 2018).

Pulau Pinang sememangnya berpotensi untuk menjadi bandar perindustrian. Beberapa buah bandar di Malaysia seperti Shah Alam, Johor Baharu dan Pulau Pinang telah dirancang untuk berfungsi sebagai pusat perindustrian. (Morshidi et. Al 1999) . Setelah melihat corak transformasi ekonomi dan ruang di Pulau Pinang, menunjukkan ekonomi perindustrian merupakan ekonomi terbesar yang sangat penting dalam menyumbang terhadap kemajuan ekonomi Pulau Pinang. Pulau Pinang pernah mengalami kejatuhan ekonomi dalam ekonomi primer iaitu pertanian dan pelabuhan. Namun setelah ekonomi perindustrian dijalankan dengan giat, ekonomi Pulau Pinang semakin meningkat dan penggunaan ruang

juga turut berbeza. Pulau Pinang juga telah berjaya mengekalkan penglibatan syarikat multinasional lebih daripada tiga dekad.



**Gambar 1:** Kawasan Bayan Lepas

**Sumber:** Google Maps

## **2.4 PELABURAN ASING DAN INDUSRIALISASI DI PULAU PINANG**

Proses industrialisasi di Malaysia telah dilaksanakan sejak tahun 1957 dengan tujuan untuk mempelbagaikan ekonomi negara serta membuka peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Pertambahan guna tenaga dan keadaan permintaan pasaran luar negara yang tidak menentu menyebabkan sektor pertanian tidak lagi mampu menampung permasalahan ini. Oleh itu, strategi perindustrian diperkenalkan menggantikan sektor pertanian bagi meningkatkan prestasi ekonomi negara. Proses industrialisasi ini diandaikan dapat meningkatkan ekonomi negara dan proses ini boleh meletakkan ekonomi wilayah mundur atau pinggir ini di trajektori pembangunan yang lebih memuaskan (Morshidi & Abibullah, 1991). Hal ini jelas bagi kes beberapa negeri termasuklah Selangor, Pulau Pinang, dan Johor yang telah berjaya mentransformasikan landskap

ekonomi melalui industrialisasi yang dijana oleh pelaburan asing. Kehadiran banyak syarikat multinasional asing besar telah membawa kesan yang positif terhadap pembangunan ekonomi di negeri-negeri ini. Bermula dengan sebuah negara yang bergantung kepada sektor primer, Malaysia kini adalah salah sebuah negara perindustrian yang boleh dianggap maju. Kemunculan sektor industri moden di Malaysia ini sangat berkait rapat dengan kemasukan pelaburan langsung asing. Penyertaan modal asing dalam sektor perindustrian pembuatan ini semakin penting sejak pengenalan kepada Ordinan Industri Perintis pada tahun 1958, Akta Galakan Pelaburan 1968 dan Akta Zon Perdagangan Bebas pada tahun 1971. Daya tarikan Akta Galakan Pelaburan dan Zon Perdagangan Bebas amat meluas, di samping dasar kerajaan dan suasana politik yang stabil seter infastuktur yang baik secara tidak langsung telah menarik pelaburan asing secara besar-besaran sejak penghujung dekad 1980-an (Anuwar & Rasiah, 1996).

Sejarah telah membuktikan bahawa pelaburan asing telah menjadi satu mekanisme yang membantu perubahan struktur ekonomi negara dari sebuah negara pertanian kepada negara perindustrian. Pada tahun awal kemerdekaan, pelaburan asing tertumpu kepada sektor pemprosesan komoditi utama negara seperti getah dan bijih timah. Pada ketika itu pelaburan asing dalam sektor perkilangan hampir tiada langsung. Pelaburan asing pada awal 1960an pula tertumpu kepada industri penggantian import seperti makanan dan minuman, tembakau, bahan binaan, plastik dan barang kimia tetapi pasaran tempatan yang terhad telah menjaskan perkembangan perindustrian (Mohd. Rosli Mohamad & Mohamed Aslam Gulam Hassan, 2000). Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan telah menggalakkan perkembangan industri berorientasikan eksport dan

berintensif buruh. Pada tahun 1970-an telah menyaksikan limpahan pelaburan asing. Polisi-polisi pelaburan yang lebih liberal, insentif dan kemudahan yang lebih menarik dan usaha-usaha mempromosikan eksport yang lebih intensif telah meningkatkan aliran pelaburan asing dalam sektor perkilangan dengan begitu ketara pada awal 1990an. Nooriah Yusof & Tarmiji Masron, mentakrifkan Pelaburan ialah pengurusan dan pengawalannya berada di tangan pelabur asing. Ia melibatkan pengaliran masuk pelaburan seperti modal, teknologi dan kepakaran yang biasanya dilakukan oleh syarikat multinasional atau syarikat transnasional.


Sebelum wujudnya industrialisasi, Pulau Pinang merupakan negeri yang menjalankan aktiviti pertanian seperti penanaman getah, padi, kelapa, kelapa sawit, buah-buahan, chengkeh, buah pala dan sebagainya (Tun Syed Sheh, 1969). Pulau Pinang sememangnya kaya dengan sumber bumi tetapi ia tidak mencukupi untuk membina sektor industri yang kukuh seperti negara maju kerana Pulau Pinang memerlukan kos yang tinggi untuk mewujudkan kilang-kilang yang dipenuhi dengan pelbagai teknologi yang canggih serta kemahiran yang tinggi. Oleh itu, pelaburan asing yang berlaku di Pulau Pinang telah menggalakkan perkembangan sektor perindustrian yang disebabkan oleh syarikat-syarikat multinasional yang melabur. Perubahan sektor daripada sektor pertanian kepada sektor perindustrian bukan sahaja mengubah kegiatan ekonomi negara tetapi juga telah mengubah landskap di Pulau Pinang. Perubahan Landskap berlaku contohnya kawasan penanaman padi telah diubah lanskapnya atau persekitaran kepada kawasan yang dipenuhi dengan lambakan syarikat-syarikat mega perindustrian yang dipenuhi dengan pelbagai teknologi yang canggih,

infrastruktur yang mampan seperti pelabuhan, lapangan terbang, jalan raya dan sebaginya.

Menurut Mohd Syahmi & Mohd Zulhaili (2015), antara faktor yang menjadi penarik kepada aliran masuk pelaburan asing ialah kemudahan infrastruktur. Kemudahan Infrastruktur di Pulau Pinang telah banyak dibangunkan seperti jalan raya, lebuh raya, pengangkutan awam, lapangan terbang contohnya Lapangan Terbang Bayan Lepas, pelabuhan contohnya Pengkalan Weld di Georgetown, sistem telekomunikasi dan teknologi maklumat, bekalan air, bekalan elektrik dan pelbagai lagi. Hal ini jelas membuktikan Kerajaan Negeri terus komitred dalam meningkatkan infrastruktur bagi kemudahan dan keselesaan penduduk Pulau Pinang. Bukan itu sahaja, Kerajaan Negeri sentiasa menaiktaraf infrastruktur seperti jaringan jalan raya di kawasan bandar mahupun luar bandar. Kerajaan Negeri telah menyediakan RM 39.3 juta untuk menaiktaraf projek-projek pembinaan jalan raya baru (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 2019). Pulau Pinang juga kini sedang menuju Bandar Pintar yang memberi keutamaan kepada pembangunan infrasturtur ICT iaitu telah menyediakan 50 peratus jaringan fiber optik dengan kerjasama dan pelaburan di antara pelbagai syarikat pembekal infrastruktur telekomunikasi dan digital. Jelaslah bahawa kemudahan infrastruktur di Pulau Pinang semakin mampan. Oleh itu, kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh kerajaan dapat menarik pelabur asing. Hal ini demikian kerana kemudahan infrastruktur telah menyediakan ruang kepada pelabur asing untuk membina kilang-kilang dikawasan yang dilengkapi infrastruktur seperti pelabuhan yang dapat memudahkan aktiviti eksport dan

import. Antara faktor lain yang menyumbang kepada pelaburan asing ialah kestabilan politik, pendidikan, dasar kerajaan dan sebagainya.

Pulau Pinang merupakan negeri yang mengalami transformasi ekonomi dan ruangan yang disebabkan oleh pelaburan asing dan industrialisasi. Kemunculan sektor industri moden berkait rapat dengan kemasukan pelaburan asing. Pulau Pinang merupakan negeri penerima tertinggi pelaburan di Malaysia pada tahun 1999 iaitu sebanyak 28.2 peratus daripada keseluruhan jumlah pelaburan yang diluluskan di Malaysia (Nooriah Yusof, 2012). Antara syarikat-syarikat multinasional yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi perindustrian di Pulau Pinang melalui pelaburan ialah Intel Corporation, Intel Microelectronics Sdn Bhd, Panasonic Corporation, Robert Bosch Sdn Bhd dan sebagainya. Kewujudan syarikat-syarikat multinasional ini telah mengembangkan lagi industri perkilangan di Pulau Pinang sehingga mewujudkan kawasan perindustrian iaitu Zon Perindustrian Perai, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas dan Zon Perindustrian Batu Kawan. Sebahagian besar daripada kilang-kilang yang wujud di lokasi perindustrian di negeri ini adalah pembuatan BEE ataupun dikenali sebagai Industri Barang Elektrik dan Elektronik. Aktiviti ini merupakan penyumbang utama kepada guna tenaga dengan sumbangan hampir 59.8 peratus daripada guna tenaga sektor pembuatan pada tahun 2004 (Nooriah Yusof, 2012).



**Rajah 1:** Peratusan Pelaburan Asing di Pulau Pinang Mengikut Sektor, 1980-2007

**Sumber:** Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia, Nooriah Yusof, 2012.

BEE muncul sebagai penyumbang utama kepada output, eksport dan guna tenaga negara khususnya di negeri Pulau Pinang yang menjadi penerima pelaburan langsung asing yang terbesar dalam sektor ini. Malaysia juga merupakan pengeksport utama terbesar BEE khususnya semikonduktor dan peralatan audio-visual dunia iaitu menyumbang RM200 bilion dengan mengupah 335,200 orang pekerja dan lebih 900 buah syarikat multinasional (Nooriah Yusuf, 2011). Penarikan pelabur asing dari negara luar seperti Amerika Syarikat, Jepun, Eropah dan negara-negara Asia yang lain adalah disebabkan kelebihan dari segi kestabilan politik, ekonomi, pembangunan infrastruktur yang baik serta sumber tenaga buruh yang produktif dan berkemahiran. Industri BEE ini juga merupakan penyumbang utama kepada pembangunan sektor pembuatan dan membangunkan aktiviti pengeluaran komponen elektronik secara besar-besaran di Pulau Pinang. Pulau Pinang mempunyai keupayaan pengeluaran yang dapat dijadikan tapak untuk trasisi pengelompokan industri yang dinamik bagi menjana inovasi dalam industri (Nooriah Yusof, 2012). Seterusnya, BEE juga telah menyediakan banyak

peluang pekerjaan kepada penduduk tetapi ia lebih banyak mengupah tenaga kerja wanita berbanding tenaga kerja lelaki. Hal ini demikian kerana sikap pekerja wanita yang lebih tekun dan teliti serta mampu melakukan kerja yang lebih rumit dan sukar berbanding tenaga kerja lelaki.

Pembangunan ekonomi Pulau Pinang berkembang dengan begitu progresif setelah lebih 45 tahun pengalaman dalam industri pembuatan. Hal ini berjaya dicapai dengan adanya syarikat multinasional (MNC) sebagai perintis utama di Pulau Pinang yang masih mengekalkan pelaburannya sehingga kini. Dalam masa yang sama, Pulau Pinang juga berjaya menarik pelaburan langsung asing (Foreign Direct Investment atau FDI) pembuatan yang diluluskan MIDA, berjumlah RM8.5 bilion pada tahun 2017. Jumlah pelaburan domestik dan asing pembuatan yang diluluskan MIDA pula dicatatkan pada paras RM10.8 bilion (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 2019). Kejayaan ini, khususnya dalam sektor pembuatan membuatkan Pulau Pinang dikenali sebagai Silicon Valley of Asia. Sektor pembuatan dan perkhidmatan kekal menjadi dua sektor penyumbang terbesar kepada ekonomi negeri. Sektor pembuatan menunjukkan pertumbuhan sebanyak 5.7 peratus pada tahun 2017 berbanding 5.4 peratus pada tahun 2016 dengan dipacu oleh subsektor elektrik, elektronik, LED, peralatan perubatan, avionik dan pembuatan makanan manakala sektor perkhidmatan pula menunjukkan pertumbuhan sebanyak 5.6 peratus untuk kedua-dua tahun 2017 dan 2016(Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 2019). Hal ini telah dibuktikan dengan peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) telah merekodkan peningkatan yang amat memberangsangkan sejurus aktiviti pelaburan asing yang menggalakkan pertumbuhan sektor perindustrian terus

berkembang pesat. KDNK telah meningkat daripada RM73.7 bilion pada tahun 2016 kepada RM77.6 bilion pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak RM3.9 bilion Pulau Pinang juga telah menyumbang sebanyak 6.6 peratus kepada KDNK Nasional dan menjadi antara enam negeri yang menyumbang 71.2 peratus kepada KDNK Nasional (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 2019). Dalam masa yang sama, Jabatan Perangkaan pada tahun 2017 merekodkan bahawa Pulau Pinang adalah antara negeri yang mempunyai KDNK per kapita melebihi paras nasional iaitu RM49,873 berbanding RM42,228 (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 2019). Jelaslah bahawa Pulau Pinang merupakan penerima pelaburan asing yang tertinggi dan menjadi negeri perindustrian utama di Malaysia.

Menurut Berita Wilayah (2018), Pulau Pinang menerima pelaburan langsung asing sebanyak 580 juta sementara 438 juta untuk pelaburan domestik, jumlah keseluruhan pelaburan adalah sebanyak RM1.1 billion pada suku pertama 2018. Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata Pulau Pinang merekodkan pelaburan sektor perkilangan terbesar diluluskan dikalangan negeri di Malaysia iaitu sebanyak RM 8.5 billion pada tahun 2017. Hal ini disebabkan oleh negeri ini komited dalam mempunyai rangkaian logistik yang kukuh kerana ia dapat menyokong kilang-kilang, peniagaan tempatan tetapi rangkaian logistik ini telah menyebabkan Penang muncul sebagai penyelia logistik pihak ketiga serantau untuk banyak negara dan perkhidmatannya yang sentiasa menyokong pertumbuhan secara berterusan (Bernama, 2018).

### **3.0 PENUTUP**

Secara keseluruhannya, Pulau Pinang telah menunjukkan dan mengalami transformasi ekonomi dan ruang secara pesat. Perubahan ekonomi dan ruang di Pulau Pinang ini jelas terlihat apabila kedatangan pengaruh Inggeris ke atas Pulau Pinang. Penetapan pihak Inggeris di Pulau Pinang ini telah membuka peluang kepada perluasan kuasa imperialism di tanah Semanjung Malaysia. Sejarah awal yang dibuktikan ini memperlihat perubahan dari segi sosio-ekonomi dan politik Pulau Pinang. Di sini kita dapat melihat bahawa usaha pihak Inggeris dalam melakukan perubahan demi kepentingan mereka namun telah memberi impak yang besar kepada Pulau Pinang itu sendiri. Tambahan lagi, kedudukan Pulau Pinang yang strategi telah menarik banyak pelabur-pelabur asing datang berdagang. Selain daripada sejarah awal Pulau Pinang, pengenalan kepada Zon Perindustrian Bebas juga termasuk kepada transformasi ekonomi dan ruang di negeri ini. Zon Perdagangan Bebas yang diperkenalkan di Pulau Pinang telah menyebabkan pelabur-pelabur asing datang ke negeri ini dengan melaukan projek-projek seperti kilang-kilang perindustrian. Pelaburan langsung asing oleh negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun telah meningkatkan KDNK negeri ini. Dapat disimpulkan bahawa, terdapat beberapa faktor yang telah menyebabkan transformasi ruang dan ekonomi di Pulau Pinang ini. Transformasi ini telah menyebabkan suatu kawasan tersebut berubah dari sektor primer kepada sektor tertier yang melibatkan ekonomi pertanian kepada ekonomi perindustrian.

## RUJUKAN

- \_\_\_\_\_. (2018). Buletin Mutiara. *Sektor perindustrian Pulau Pinang masih berdaya saing menguntungkan rakyat terbanyak.* Diakses pada 23 April 2019 <https://www.buletinmutiara.com/sektor-perindustrian-pulau-pinang-masih-berdaya-saing-menguntungkan-rakyat-terbanyak/>
- \_\_\_\_\_. (2019). *Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.* Diakses pada 15 April daripada <https://www.penang.gov.my/cio/5-general/info-penang/9-sejarah>
- \_\_\_\_\_. (2019). *Laman Web Rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan.* Diakses pada 17 April daripada <http://sps.penang.gov.my/index.php/sejarah-pulau-pinang>
- Abdul Aziz Jemain, Lukman Z. Mohammad. Azmi Abdul Manaf (2001). *Isu-isu Ekonomi dan Pengurusan di Malaysia.* Selangor: Prentice Hall
- Abdul Kadir Hj. Din. *Pelancongan Impak Ekonomi Fizikal dan Sosial.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Anuwar, A. & Rasiah, R. (1996). *Perindustrian dan Pembangunan Ekonomi di Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basariah Othman. (1973). *Sejarah Rengkas Ekonomi Pulau Pinang dari Tahun 1786-1867.* Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Buyong Adil. (1980). *Sejarah Kedah.* Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chonguill. C. L (!994). Chrisis, Chaos, Crunch Planning For Urban Growth in the Developing World. *Urban Studies.*
- Mat Hashim B. Halim. (2001). *Rantaian Dengan Firma Besar Dan Kesannya Kepada Pencapaian IKS: Kajian Kes Industri Pembuatan Di Pulau Pinang.* Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Md. Salleh G.(2000). *Pergerakan Politik Melayu Negeri Pulau Pinang Sebelum 1945.* Pulau Pinang.
- Mohd Asri Abdullah. (1997). *Pembangunan Perindustrian Di Malaysia :Perkembangan dan Permasalahan.* Selangor Darul Ehsan

- Mohd Syahmi & Mohd Zulhaili. (2015). *Faktor-faktor yang mempengaruhi Pelaburan Langsung Asing di Malaysia 1980- 2013.*
- Mohd. Rosli Mohamad & Mohamed Aslam Gulam Hassan. (2000). *Pembangunan Ekonomi Malaysia Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Morshidi, S. & Abibullah, S. (1991). *Perepsi Pelabur Luar Terhadap Peluang Pelaburan di Kedah Darul Aman*. Laporan Geran Penyelidikan Jangka Pendek (tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia.
- Narimah Samat (2000). *Aplikasi Sistem Maklumat Geografi dalam Pemantauan Perubahan Guna Tanah : Kajian Kes Seberang Prai Pulau Pinang*. Pulau Pinang
- Nooriah Yusof. (2012). “Transformasi Ekonomi dan Ruang.” Dalam Ooi Keat Chin. *Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nooriah Yusof & Tarmiji Masron. *Pelaburan Langsung Asing dan Tranformasi Lanskap Ekonomi di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nooriah Yusuf. (2011). *Pelaburan Langsung Asing dan Pembangunan Industri Barang Elektrik dan Elektronik di Negeri Pulau Pinang, 1970–2007*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohamed et al. (2006). *Sejarah Awal Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- PDC 1992. Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.
- PDC 1996. Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.
- The City Council of George Town, Penang. (1966). *Penang Past and Present 1786-1963*. Pulau Pinang: The Ganesh Printing Work.
- Tun Syed Sheh bin Syed Hassan. (1969). *Pulau Pinang Hari ini 1969*. Pulau Pinang: Jabatan Penerangan Pulau Pinang.

West, A.T.F & Rose, J. (1961). *South-East Asia With Malaya*. Malayan Proggressive Geogrraphy Series, Singapura: University Of London Press Ltd.

Zulkifli Hanafi. (2000). *Reka Bentuk Rumah Kolonial di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.